

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 JUNE 2017

Contoh keupayaan syarikat Malaysia tanpa bantuan kerajaan

Proton melakar kejayaan

Uln- 24/6/2017 pg.3

Oleh **FADZIL ZAINOL**
dan **AFIQ MOHD. SHAH**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 23 JUN

KERJASAMA strategik antara Proton Holdings Bhd. (Proton) dengan Zhejiang Geely Holding Group (Geely) akan membuka lembaran baharu kepada Proton untuk menjadi contoh kejayaan syarikat Malaysia tanpa memerlukan bantuan kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pemilihan Geely sebagai pelabur adalah tepat berdasarkan keupayaan dan kemajuan yang ada pada syarikat China tersebut, termasuk memiliki jenama automotif Sweden, Volvo.

Katanya, kerjasama itu membolehkan Proton mendapat akses teknologi milik syarikat China itu dan pada masa sama Geely boleh mengoptimumkan aset-aset Proton seperti kilang pengeluaran di Tanjung Malim, Perak.

Tambahnya, satu hari kelak yang tersebut mampu menjadi pusat pemasangan kereta Volvo, selain sebagai hab pengeluaran kereta Geely bagi pemanduan di negara ini.

Proton telah mengeluarkan pelbagai jenis model popular seperti Saga, Wira, Perdana dan Samudra. Namun selera pengguna kini semakin berubah.

Model perniagaan yang diiktirafkan tidak mampu bertahan lama. Telah tiba masanya Proton mengubah bentuk perniagaan dan menerokai pasaran yang



NAJIB TUN RAZAK menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian persefahaman antara Syed Faisal Albar (kiri) dengan Presiden Zhejiang Geely Holding Group, An Conghui (dua dari kanan) di Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan Li Shufu (kanan) dan Mohd. Khamil Jamil (dua dari kiri). - UTUSAN/ FAUZI BAHARUDIN

lebih luas dan untuk itu, perlu mempunyai rakan strategik yang berkeupayaan," katanya dalam majlis menandatangani perjanjian antara DRB-Hicom Bhd. dengan Geely di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan; Duta Besar China ke Malaysia, Huang Huikang; Pengerusi DRB-Hicom, Tan Sri Mohd. Kamil Jamil; Pengarah Urusan Kumpulan DRB-Hicom, Datuk Seri Syed Faisal Albar dan Pengerusi Geely, Li Shufu.

Perjanjian itu bagi memuktamadkan persetujuan Geely

untuk mendapatkan 49.9 peratus kepentingan DRB-Hicom di dalam Proton berserta kenderaan berprestasi tinggi milik Proton, Lotus.

Tambah Najib lagi, model perniagaan yang sedia ada hanya membolehkan Proton merekodkan jualan 72,000 buah kereta sahaja daripada 600,000 kereta yang terjual sepanjang tahun lalu.

"Ada yang mahu Proton kekal 100 peratus milik Malaysia dengan mengorbankan ratusan juta ringgit. Kita menggunakan duit rakyat untuk membiayai perniagaan yang tidak akan berjaya dan ini tidak bertanggungjawab," katanya.



Waktu Solat



MBSB

SUBUH SYURUK ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK

 KUALA LUMPUR dan kawasan sewaktu dengannya	5.43 7.06 1.18 4.44 7.27 8.43
 PULAU PINANG dan kawasan sewaktu dengannya	5.44 7.07 1.23 4.50 7.35 8.52
 KUANTAN dan kawasan sewaktu dengannya	5.37 6.58 1.12 4.37 7.21 8.35
 JOHOR BAHRU dan kawasan sewaktu dengannya	5.38 7.01 1.10 4.35 7.15 8.31
 KUCHING dan kawasan sewaktu dengannya	5.13 6.32 12.45 4.10 6.51 8.06